

## Perspektif Kualitatif Guru Terhadap Pelaksanaan Amalan Pentaksiran dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Argumentatif

Marzni Mohamed Mokhtar\*, Roselan Baki, Fadzilah Abd Rahman

*Jabatan Pendidikan Bahasa & Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

\*Corresponding author: marzni@putra.upm.edu.my

### Abstract

The realisation of teaching and learning objective in classroom can be achieved effectively if teachers gave appropriate attention to assessment process in education. This is the case in the context of teaching argumentative essay writing skill; where demands to assess essay produced by students are very complex considering the written essay needs statements of relevant facts and convincing elaboration to support any motion presented by students, besides avoid creating uncertainties among readers on the issue being discussed. Hence, teachers need to equip themselves as individuals who possess competent experience and knowledge related to the process of assessment soon to be implemented. Realising the gap related to assessment issue, the purpose of this study is to investigate teacher's perspective on assessment practice in the teaching of argumentative essay writing skill by Malay language teachers at secondary school level. The choice of this qualitative research design was significant in generating better and in-depth comprehension pertaining to essay assessment practice being applied in the schools where the samples were selected. Data were collected from 6 Malay language teachers using semi-structure interview, classroom observation, and document analysis. Themes found in the data suggested research subjects' tendency to use assessment approach, time allotted for assessment, and types of communication formed between teacher and students facilitated the process of assessing essay in classroom.

*Keywords:* Assessment process; argumentative essay; teachers perspective; qualitative research

### Abstrak

Pencapaian sesebuah objektif pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah mampu dilaksanakan dengan berkesan sekiranya proses penaksiran dalam pendidikan diberikan perhatian sewajarnya oleh guru. Hal ini demikian kerana dalam konteks pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif, tuntutan untuk menaksir karangan yang dihasilkan oleh murid amat kompleks sifatnya memandangkan penulisan karangan ini memerlukan penyataan fakta yang relevan dan huraian yang mantap bagi menyokong sebarang hujah yang dipaparkan oleh murid selain daripada mengelakkan timbulnya sebarang keraguan dalam kalangan pembaca terhadap isu yang dibincangkan. Justeru, guru perlu melengkapkan diri sebagai individu yang memiliki pengetahuan dan pengalaman yang kompeten berkaitan proses penaksiran yang bakal dilangsungkan. Menyedari akan timbulnya kesenjangan yang berkaitan dalam isu penaksiran, tujuan kajian yang dilaksanakan adalah untuk meneliti perspektif guru terhadap amalan penaksiran yang diamalkan dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif yang diaplikasikan oleh guru bahasa Melayu pada peringkat sekolah menengah. Pemilihan reka bentuk penyelidikan kualitatif dilihat sangat signifikan dalam menjana kefahaman yang lebih jelas dan mendalam berkaitan cara amalan penaksiran karangan diaplikasikan di sekolah dalam kalangan peserta kajian. Pengumpulan data kajian daripada enam guru bahasa Melayu yang direkrut sebagai peserta kajian telah dilakukan dengan menggunakan teknik pengumpulan data berbentuk temu bual separa berstruktur, pemerhatian di dalam bilik darjah dan penganalisisan dokumen. Antara tema yang dapat dibentuk menerusi dapatan kajian telah menunjukkan kecenderungan peserta kajian melakukan persediaan guru bagi menjamin keberkesanan proses penaksiran, prosedur penaksiran karangan dan pendekatan proses penaksiran.

*Kata kunci:* Proses penaksiran; karangan argumentatif; perspektif guru; penyelidikan kualitatif

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### 1.0 PENGENALAN

Dalam sistem pendidikan, isu berkaitan penaksiran masih lagi menjadi agenda utama yang perlu ditangani dengan berkesan. Lantaran itu, pengamal pendidikan tidak jemu untuk mencari penyelesaian alternatif bagi memastikan proses penaksiran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini berpadanan dengan pandangan Adi Badiozaman Tuah (2007) yang telah menyarankan bahawa perlunya pembangunan satu sistem penaksiran yang berbeza dengan sistem peperiksaan yang telah diimplementasikan secara meluas di sekolah, penaksiran yang sewajarnya mengambil kira aspek perkembangan, pertumbuhan dan pembangunan individu yang perlu ditaksir; tentang cara dan kaedah penaksiran yang boleh dilaksanakan; tentang orang atau agensi yang boleh dilibatkan dalam penaksiran. Namun begitu, senario pendidikan kini memperlihatkan hal yang sama sekali bertentangan dengan keperluan dan tujuan sistem penaksiran dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana para guru mempunyai perspektif bahawa proses penaksiran seharusnya ditadbir berorientasikan pencapaian akademik (intelektual atau kognitif). Prestasi murid atau penguasaan sesuatu ilmu mahupun kemahiran dibuat menerusi peperiksaan awam semata-mata sehingga membawa implikasi pengabaian terhadap data dan maklumat lain tentang seseorang individu seperti aspek minat, kecenderungan, personaliti, sahsiah dan aspek keinsanan lain tidak dapat diperolehi dengan tepat (Suzana Abd Mutalib & Jamil Ahmad, 2012). Pengamatan

yang sama diakui oleh Mokhtar Ismail (2009) bahawa konstruk psikologi seperti pencapaian, kecerdasan, kemurungan, kebimbangan, ekstrovert, introvert dan sebagainya tidak dapat diukur dengan sebaiknya dan tidak dapat dilaksanakan secara langsung sebaliknya memerlukan konsep hipotetikal untuk menghuraikan maklumat secara rinci.

Di samping itu, penaksiran yang berkualiti dalam sistem pendidikan dapat dijayakan sekiranya kekangan dalam aspek literasi penaksiran iaitu kompetensi pengetahuan guru dalam bidang penaksiran dapat ditangani dengan sewajarnya (Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar, 2008; Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu, 2012). Literasi penaksiran berupaya menyediakan peluang kepada para guru untuk mengaplikasikan prinsip, prosedur, strategi mahupun kaedah penaksiran yang relevan bagi memperkasakan proses pembelajaran di samping membuat keputusan yang tepat dan adil mengenai murid, kurikulum dan program pendidikan secara keseluruhan. Mokhtar Ismail (2009) juga menegaskan bahawa penyelesaian isu penaksiran dalam pendidikan masih bertitik tolak pada cara seseorang penaksir menjalankan proses penaksiran bagi membolehkan maklumat penaksiran diperolehi secara tepat untuk melancarkan proses pengajaran dan akhirnya memberikan implikasi terhadap pencapaian matlamat guru, kurikulum dan sistem pendidikan keseluruhannya.

## ■2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam konteks sistem pendidikan Bahasa Melayu, proses menaksir karangan dilaksanakan menerusi adanya pemeriksa atau individu guru yang diberikan tanggungjawab untuk memeriksa karangan (Normah Othman, 2006, Idris Mohd Razi, 2006 & Hashim Othman, 2003). Bacaan transkrip karangan murid akan dilakukan terlebih dahulu bagi tujuan pengredan atau memarkahkannya berdasarkan kriteria penting sama ada ditaksir dalam bentuk abjad atau angka yang difikirkan sesuai. Selesai melakukan proses membaca transkrip karangan murid, pemeriksa akan membuat penentuan kedudukan, permarkahan atau pengredan hasil penulisan (karangan murid) dilakukan secara pantas. Tujuan menentukan kedudukan, memarkahkan atau mengredkan karangan yang dilangsungkan secara pantas melalui pembacaan adalah mendapatkan hasil keseluruhan dengan berpandukan pada skema yang dibangunkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) (Hashim Othman, 2003 & Rosmawati Taridi, 2008).

Skema permarkahan karangan yang disediakan oleh MPM dan LPM merupakan skema permarkahan berasaskan tanggapan keseluruhan pemeriksa terhadap karangan yang diperiksa (Huzaina Abd Halim, 2007 & Noor Izam Mohd Taib, Zamri Mahamod, A Rahman Haron & Rozaiman Makmun, 2012). Antara aspek yang dibangunkan dalam skema permarkahan karangan yang perlu diberikan penekanan oleh guru ketika menjalankan proses penaksiran ialah kecekapan bahasa (mekanis), laras (dinamis), idea (isi), pengolahan dan gaya bahasa. Setiap transkrip yang dihasilkan oleh murid akan diberikan markah mengikut tahap-tahap tertentu. Tahap-tahap ini merangkumi tahap *Cemerlang (80-100)*, *Kepujian (66-79)*, *Baik (51-65)*, *Memuaskan (36-50)*, *Kurang Memuaskan (21-35)* dan *Pencapaian Minimum (01-20)* (LPM, 2005). Pengredan perlakuan bagi semua jenis karangan adalah menggunakan skema yang sama. Para guru disarankan untuk menggunakan pendekatan analitik, holistik atau gabungan kedua-duanya dalam penaksiran hasil penulisan bagi memudahkan para guru Bahasa Melayu melaksanakan proses penaksiran karangan Bahasa Melayu bagi penilaian bahasa kendalian sekolah (KPM, 1994, Hashim Othman, 2003 & Normah Othman, 2006).

## ■3.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam konteks pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu, guru didapati mengamalkan penaksiran berasaskan produk akhir dan bukannya keseluruhan proses menulis yang dikuasai oleh murid. Hal ini telah menjadikan guru terikat pada kandungan ujian semasa melakukan penaksiran karangan. Implikasinya, guru berkemungkinan berupaya menaksir pengetahuan fakta murid sahaja dan bukannya penguasaan murid tentang kemahiran menulis karangan atau aspek pengetahuan prosedur menulis yang sebenarnya. Akibatnya, amalan sebegini mendatangkan kesan negatif terhadap penguasaan proses mengarang murid berkenaan pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana penekanan yang keterlaluan terhadap penggunaan kaedah penaksiran holistik dan analitik mengakibatkan murid tidak berupaya menjana idea dalam penulisan semaksimum yang mungkin (Suzana Abd Mutalib & Jamil Ahmad, 2012). Murid cenderung untuk terlalu berhati-hati agar tidak melakukan kesilapan berkaitan aspek bahasa yang diberi penekanan langsung oleh pemeriksa, di samping terikat dengan masa untuk menyelesaikan tugas mengarang.

Sewajarnya, sebelum guru memilih sesuatu kaedah penaksiran, guru harus terlebih dahulu jelas tentang hasil pembelajaran yang hendak ditaksir, dan kemudian memadankannya dengan kaedah penaksiran yang menepati keperluan (Ahmad Hozhi H. A. Rahman, 2009). Pandangan ini diperkukuhkan bahawa seseorang guru bahasa sewajarnya mempunyai kombinasi pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dapat mendorong murid dalam membina kesedaran akan faedah proses penaksiran, memberikan bimbingan membina bahan dan memimpin proses penaksiran seterusnya membimbing murid untuk memahami signifikan keputusan penaksiran (Yahya Othman, 2005; Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu, 2012). Kajian yang dijalankan oleh Rohaya Talib dan Mohd Najib Abd Ghafar (2008) & Suzana Abd Mutalib & Jamil Ahmad (2012) mendapati bahawa amalan penaksiran dalam kalangan guru yang tidak kompeten akan membawa implikasi negatif iaitu guru gagal memantau kemajuan pembelajaran akibat kurangnya pengetahuan, tidak dapat menghasilkan keputusan yang adil, perancangan pengajaran yang lemah dan tidak dapat mencungkil potensi sebenar murid, melaporkan prestasi murid dalam pelajaran secara tidak tepat kepada ibu bapa, mengakibatkan ketidakpercayaan dan keraguan dalam proses penaksiran yang menyebabkan kualiti penaksiran dipersoalkan oleh pelbagai pihak akibat daripada akauntabiliti penaksiran yang gagal dilaksanakan sepenuhnya. Justeru, tujuan kajian ini dilangsungkan adalah untuk meneliti perspektif peserta kajian berdasarkan amalan penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif.

## ■4.0 PERSOALAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian iaitu:

Apakah perspektif guru tentang amalan penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif? Mengapa?

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes kualitatif satu kes pelbagai tempat. Pemilihan peserta kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data bagi kajian kes akan diperjelaskan pada bahagian yang berikutnya.

#### 4.1 Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan 6 orang guru Bahasa Melayu yang terlibat secara sukarela untuk dijadikan sebagai peserta kajian. Keenam-enam peserta kajian mengajar di tiga buah sekolah yang berlainan di Pulau Pinang. Kesemua peserta kajian ini akan dirujuk sebagai P1, P2, P3, P4, P5 dan P6. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada beberapa kriteria kerana pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) (Gerring, 2007 & Yin, 2003 & 2009). Kriteria-kriteria pemilihan peserta kajian bagi kajian ini ialah:

- Penglibatan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan tidak melibatkan sebarang paksaan
- Peserta kajian merupakan individu guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu
- Peserta kajian memiliki pengalaman mengajar lebih dari 3 tahun
- Kesediaan peserta kajian untuk berkongsi pengalaman peribadi mereka bersama pengkaji.

#### 4.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini akan dijalankan dengan berpandukan kepada kerangka kajian kualitatif jenis kajian kes (Gerring, 2007, Yin, 2003 & 2009; Roselan Baki, 2001, 2003a & 2003b). Teknik yang digunakan bagi mengumpulkan data-data kajian merangkumi temu bual separa berstruktur, pemerhatian di dalam bilik darjah dan penganalisan dokumen iaitu karangan argumentatif yang dihasilkan oleh murid (Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf, 1997; Marohaini Yusoff, 2001a & 2001b & 2004). Penggunaan teknik temu bual separa berstruktur bagi proses pengumpulan data dalam kajian ini adalah bertujuan untuk membolehkan sebarang perubahan terhadap bentuk soalan, urutan soalan dan cara soalan diajukan kepada peserta kajian dilakukan setelah mendapat maklum balas dan reaksi daripada peserta kajian (Merriam, 1988 & 2009). Selain itu, kajian ini juga menggunakan teknik pemerhatian penuh di dalam bilik darjah tanpa penglibatan pengkaji bagi aktiviti yang dijalankan oleh peserta kajian yang diperhatikan iaitu proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan argumentatif di dalam bilik darjah (Gilham, 2000). Bagi mengukuhkan dapatan kajian, teknik penganalisan dokumen sebagai sumber ketiga turut digunakan dalam kajian ini (Gibbs, 2007) Triangulasi teknik pengumpulan data amat bermakna dalam kajian ini memandangkan tujuan kajian ini adalah untuk meneliti perspektif peserta kajian terhadap amalan penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif sebagaimana yang berlaku dalam konteks sebenar di sekolah (Merriam, 1988 & 2009; Yin, 2003 & 2009; Glesne, 2006 & 2011).

#### 4.3 Penganalisan Data

Proses penganalisan data telah dilakukan dengan melibatkan tiga peringkat iaitu tahap permulaan iaitu penulisan semula verbatim transkrip temu bual, proses lanjutan data yang merangkumi pembinaan kod dan tema dan diakhiri tahap pemaparan data dalam bentuk jadual, carta alir mahupun peta konsep (Suseela Malakolunthu, 2001 & Glesne, 2006 & 2011). Yang berikutnya ialah perbincangan dapatan kajian berkaitan perspektif peserta kajian berkaitan amalan penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif.

### ■ 5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga tema utama yang berjaya dibentuk bagi memperlihatkan cara pelaksanaan amalan penaksiran karangan Bahasa Melayu yang dilakukan oleh keenam-enam peserta kajian di sekolah. Antara tema yang dibentuk ialah persediaan guru bagi menjamin keberkesanan proses penaksiran, prosedur penaksiran karangan dan pendekatan proses penaksiran.

#### 5.1 Persediaan Guru Bagi Menjamin Keberkesanan Proses Penaksiran dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan

Daripada enam orang peserta kajian, dapatan kajian menunjukkan bahawa lima daripadanya iaitu P1, P2, P3, P4 dan P5 bersetuju bahawa persediaan sebelum P&P bermula amat dititikberatkan dalam sesebuah pengajaran kemahiran menulis karangan. Persediaan yang diperlukan oleh kesemua peserta kajian merangkumi isu yang dibahaskan dalam P&P kemahiran menulis karangan argumentatif, penggunaan bahan bantu mengajar, penerangan berkaitan cara permarkahan karangan dilakukan oleh guru serta pendedahan terhadap Teknik Pengembangan Isi.

##### 5.1.1 Isu Perbincangan

Makluman awal kepada murid berkaitan isu yang akan dibincangkan oleh peserta kajian dalam P&P kemahiran menulis karangan argumentatif dilihat memainkan peranan penting untuk membolehkan seseorang guru menjamin keberkesanan proses penaksiran. Hal ini diakui oleh P1, P3 dan P4. Petikan berikut menunjukkan bahawa P1 perlu *bagitau lah isu yang nak dibincangkan (TB5P1)* sebelum melaksanakan proses P&P kemahiran menulis karangan argumentatif. P3 pula menyatakan bahawa proses P&P kemahiran menulis karangan argumentatif yang akan diikuti oleh murid telah dimaklumkan lebih awal iaitu seminggu sebelum sebagaimana *saya bagitau ja la nanti minta minggu depan kita nak bincang tajuk apa ya (TB3P3)*. P4 juga memperlihatkan tindakan yang sama menerusi *bagi tajuk aaa yang itu saya bagitau secara umum lah..., bila saya nak mengajar satu-satu karangan, saya akan beritahu dulu apa yang saya akan buat*

minggu depan (TB4P4), kemudian turut diulang kita perlu rancang contohnya macam ni kita nak buat aaa karangan jenis itu pada sekian hari bulan, so sebelum tempoh masa tu kita dah kena inform kat pelajar supaya dia mencari bahan tentang tajuk yang akan dibincangkan pada minggu hadapannya (TB17P4)

### 5.1.2 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Keberkesanan proses penaksiran peserta kajian dalam pengajaran kemahiran menulis karangan juga memperlihatkan adanya usaha peserta kajian menggunakan bahan bantu mengajar sebagai salah satu cara untuk meningkatkan keupayaan murid menguasai kemahiran menulis karangan argumentatif. Peserta kajian yang didapati menyediakan pelbagai bahan bantu mengajar sebelum memulakan P&P kemahiran menulis karangan argumentatif ialah P1, P2, dan P5. Galakan kepada murid untuk merujuk pelbagai bahan yang berkaitan dengan kandungan pelajaran telah dilakukan oleh P1 iaitu dengan cara *So suruh pelajar kalau boleh baca dulu, cari bahan apa-apa sajalah pengetahuan dalam isu tu ha (TB5P1)*. Murid-murid yang diajarkan oleh P2 pula didedahkan kepada penggunaan bahan bantu mengajar seperti surat khabar dan majalah yang terdapat di perpustakaan sekolah sebagaimana *Kekadang saya bawak newspaper, ambil dalam tu bagi-bagi cari tajuk kalau tak pun ajak pi library la (TB2P2)*. Penggunaan surat khabar dan majalah yang terdapat di perpustakaan sekolah adalah bertujuan untuk murid *cari maklumat, mereka akses dari internet (TB6P5)* yang telah diperjelaskan oleh P5. Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar seperti paparan slaid pengajaran dilihat berupaya meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif sebagaimana yang dilakukan oleh P2. Hal ini dapat ditemui pada catatan pemerhatian pengkaji : *P&P kemahiran menulis karangan argumentatif ini dibuat di dalam bilik media. P2 telah pun bersedia 10 minit lebih awal daripada waktu P&P memandangkan P2 menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan ICT seperti projektor LCD, skrin putih, komputer dan perisian power point untuk memberikan penerangan (CP3P2)*.

### 5.1.3 Penerangan Berkaitan Cara Permarkahan Karangan

Persediaan guru bagi menjamin keberkesanan proses penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan juga merangkumi aspek penerangan berkaitan cara permarkahan karangan dilakukan oleh guru. Hal ini dinyatakan oleh P2 dalam petikan berikut: *Ha aaa ok, sebelum start exam satu persediaan saya ajar beberapa tajuk biasanya untuk exam lah untuk Kertas 2 Karangan, saya akan tunjuk kat mereka skema permarkahanlah, power point slide nak dapat markah A macam ni cara saya marking dan bukan untuk saya untuk cikgu-cikgu BM lain pun selaras macam ni sebab nak dapat A kamu kena ada macam ni, macam ni (TB9P2)*.

### 5.1.4 Kaedah Pengembangan Isi

Dapatan kajian yang terakhir bagi tema persediaan guru untuk menjamin keberkesanan proses penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan ialah pendedahan dan aplikasi Teknik Pengembangan Isi dalam penulisan karangan argumentatif. P5 menggunakan Kaedah Pengembangan Isi yang dibuat secara akronim bagi memudahkan murid mengingat atau menghafal aspek-aspek tertentu untuk menulis karangan. Antara akronim yang dibina oleh P5 ialah *Kami Makan Durian Sampai Angin* (Keadaan, Mengapa, Di Mana, Siapa, Apa) dan *Kami Akan Usaha Pandai* (Keadaan, Akhbar, Usaha, Punca) bagi perenggan pendahuluan, *Aku Masih Kekal Cinta Padamu* (Apa, Mengapa, Kesan, Contoh, Penegasan) dan *Ingin Menjadi Anak Cerdik Pandai* (Isi, Mengapa Akibat, Contoh, Penegasan) bagi perenggan isi dan *Rosalinda Cinta Akan Hosseir* (Rumusan, Cadangan/Etika/Nilai, Amaran, Harapan) dan *RESAH* (Rumusan, Etika/Nilai, Seruan, Amaran, Harapan) bagi perenggan penutup.

Hal ini demikian kerana menurut P5, proses pengembangan atau huraian bagi isi menjadi lebih padat sekiranya murid menghafal perkataan-perkataan tertentu daripada perkataan-perkataan tertentu ialah kata-kata kunci yang membolehkan mereka menulis dengan cara yang lebih baik kalau mereka susun tu, ayat dah betul pun dah nampak kita katakan ada kohesinya, Ha koherennya juga wujud aaa itu maksud saya (TB13P5). Malah P5 juga menegaskan bahawa *Ha, kita tengok apa, mengapa, kesan, contoh dan penegasan ha... Sebenarnya karangan pelajar lebih tersusun, dan terancang... Itu yang sebenarnya, sebab pelajar-pelajar setengahnya tahu, dia ada isi Ha bahagian isi tu akan lengkap.... Ha diolah, misalnya isi kita boleh tanya juga satu lagi teknik aku ingin menjadi Anak Cerdik Pandai... Mengapa ha, akibatnya berikan contoh dan penegasan. Ha ini yang saya untuk bahagian isi. Manakala pengenalan pula misalnya saya akan katakan keadaan, gambaran, keseluruhan. Menyoal boleh jadi satu bentuk arr satu teknik juga untuk menjawab pengenalan kita (TB18P5)*. Jadual 1 dan 2 menunjukkan binaan kerangka Kaedah Pengembangan Isi yang dilakukan oleh P5

Catatan pemerhatian pengkaji juga menemukan hal yang sama apabila P5 menerangkan Kaedah Pengembangan Isi adalah penting untuk memastikan murid *perlu memasukkan elemen seperti persoalan apa, mengapa, kesan, akibat, contoh dan penegasan dalam penulisan isi yang dinyatakan. Menurut P5 lagi, bagi karangan lengkap yang berkualiti, perenggan penutup perlu dibuat dengan menggunakan unsur rumusan, cadangan, etika atau nilai yang seharusnya dilakukan berserta amaran dan diikuti dengan harapan penulis berkaitan isu yang dibincangkan (CP5P5)*.

**Jadual 1** Jadual penggunaan kaedah pengembangan isi 1 Oleh P5

<b>Tajuk Tugas Karangan : Kenaikan Harga Minyak</b>	
<b>Kami Makan Durian Sampai Angin (Perenggan Pendahuluan)</b>	
Keadaan	
Mengapa	
Di Manakah	
Siapakah	
Apakah	
<b>Ingin Menjadi Anak Cerdik Pandai (Perenggan Isi 1 hingga 3)</b>	
Isi	
Mengapa	
Akibat	
Contoh	
Contoh	
Penegasan	
<b>RESAH (Perenggan Penutup)</b>	
Rumusan	
Etika/ Nilai	
Seruan	
Amaran	
Harapan	

**Jadual 2** Jadual penggunaan kaedah pengembangan isi 2 Oleh P5

<b>Tajuk Tugas Karangan : Usaha Menghargai Warga Tua</b>	
<b>Kami Akan Usaha Pandai (Perenggan Pendahuluan)</b>	
Keadaan	
Akhbar	
Usaha	
Punca	
<b>Aku Masih Kekal Cinta Padamu (Perenggan Isi 1 hingga 3)</b>	
Apa	
Mengapa	
Kesan	
Contoh	
Penegasan	
<b>Rosalinda Cinta Akan Hossier (Perenggan Penutup)</b>	
Rumusan	
Cadangan	
Amaran	
Harapan	

## 5.2 Prosedur Penaksiran Karangan

Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat beberapa prosedur penaksiran yang dilaksanakan oleh peserta kajian. Antaranya ialah penggunaan kaedah *impression* dengan membaca karangan murid sebelum memberikan markah, penggunaan skema permarkahan, bersikap rigid dalam memberikan markah dengan menekankan pada aspek penggunaan kosa kata, ejaan dan kekemasan tulisan murid, pemeriksaan karangan murid dibuat secara langsung di dalam bilik darjah dengan memanggil murid untuk menegur kesalahan yang dilakukan dalam penulisan karangan dan perkongsian maklumat dengan murid berkaitan prestasi murid dalam peperiksaan awam.

### 5.2.1 Kaedah *Impression/Tanggapan*

Bagi penggunaan kaedah *impression* untuk memarkahkan karangan, wujud perbezaan berkaitan prosedur yang diamalkan. Bagi P1, pembacaan dua kali dibuat sebelum memarkahkan karangan bagi tujuan mendapatkan *impression* sebagaimana *kali yang kedua kita baca tu barulah kita buat pemeriksaanlah secara... secara seriuslah ha (TB15P1)*. Bagi P2 pula, prosedur penaksiran dibuat dengan lebih pantas dengan melibatkan bacaan pertama sahaja memandangkan P2 merupakan pemeriksa kertas peperiksaan awam iaitu *Tapi sebab saya banyak sangat marking so saya baca kali pertama pun saya dah boleh bagi markah teruslah, sekali ja (TB9P2)*.

### 5.2.3 Skema Permarkahan Sebagai Panduan Memarkahkan Karangan Murid

Prosedur penaksiran karangan juga melibatkan penggunaan skema permarkahan. Untuk tujuan ini, P3 didapati tidak pula menggunakan sebarang skema untuk menaksir karangan pada peringkat STPM. Rasionalnya adalah disebabkan *bila penceramah tu datang dan juga ada sekali tu diberi kursus, aaa dia tak, tak bagi pada kita skema yang ini macam mana nak bagi semua kan, dia bagi secara umum ja (TB3P3)* dan hanya bergantung pada pengetahuan umum yang diperoleh melalui kursus penaksiran.

### 5.2.4 Kerigidan Pemeriksa

Aspek sikap pemeriksa yang rigid ketika melakukan proses penaksiran telah ditemui pada prosedur penaksiran karangan P4. P4 mengakui bahawa beliau bersikap rigid dalam memberikan markah dengan memberikan perhatian pada aspek kosa kata, ejaan dan kekemasan tulisan murid iaitu .... *Ni.... Isi kamu tapi perkataan tak cukup... perkataan tak cukup jadi tak boleh. Sebab pelajar ni dia kadang keliru kenapa dia punya ni banyak kadang-kadang saya sengaja bagi markah tu sikit sebab dia punya tulisan boleh menjejaskan keputusan peperiksaan dia, dia tak jaga kat situ (TB4P4).*

### 5.2.5 Pemeriksaan Karangan Secara Langsung

Selain itu, prosedur penaksiran karangan juga dijalankan secara langsung di hadapan murid. Hal ini telah dibuat oleh P5 yang membuat pemeriksaan karangan dengan memanggil murid untuk memaklumkan kesalahan yang dilakukan oleh murid. Hal ini dibuktikan menerusi *saya akan panggil sorang-sorang saya akan benda-benda yang bergaris yang ada dalam karangan tu saya akan soal, soal semula (TB8P5).*

### 5.2.6 Perkongsian Maklumat Prestasi Murid Dalam Peperiksaan Awam

Tema prosedur penaksiran karangan juga melibatkan perkongsian maklumat berkaitan prestasi murid dalam peperiksaan umum. Hal ini dijelaskan oleh P5 dalam catatan pemerhatian pengkaji iaitu *karangan perlu ditulis tidak melebihi 750 patah perkataan dan akan ditolak markahnya sekiranya melebihi jumlah patah perkataan yang ditetapkan. Murid digalakkan untuk mendapat markah lebih daripada 29 markah daripada 50 markah yang diperuntukkan (CP8P5).*

## 5.3 Pendekatan Penaksiran Karangan

Dapatan kajian yang terakhir menunjukkan bahawa pendekatan penaksiran karangan sebagai salah satu tema utama bagi persoalan kajian yang berkaitan dengan cara pelaksanaan amalan penaksiran karangan Bahasa Melayu yang dilakukan oleh keenam-enam peserta kajian di sekolah. Antara pendekatan penaksiran karangan yang digunakan oleh kesemua peserta kajian ialah pendekatan penaksiran holistik dan pendekatan penaksiran analitik.

### 5.3.1 Pendekatan Penaksiran Holistik

Sepuluh daripada enam orang peserta kajian iaitu tiga orang peserta kajian telah menggunakan pendekatan penaksiran holistik bagi mendapatkan *impression* untuk menaksir karangan. Mereka ini ialah P1, P3, dan P6. Hal ini dapat dilihat pada petikan *permarkahan untuk karangan... karangan panjang biasanya kita gunakan impression method (TB5P1)* oleh P1, *skema... skema mula-mula dulu aaa kalau tahun lepas aaa saya buat macam holistik ja la. Isi pun ada, jadi secara holistik secara impression saya, saya bagi markah (TB3P3)* oleh P3 dan *impression sebab cara penandaan karangan sekarang berdasarkan pada impression dengan relevan (TB10P6)* oleh P6.

### 5.3.2 Pendekatan Penaksiran Analitik

Penggunaan pendekatan penaksiran analitik dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif telah diamalkan oleh P2 dan P5. Hal ini demikian kerana kedua-dua peserta kajian ini memiliki pengalaman sebagai pemeriksa karangan bagi kertas peperiksaan umum iaitu PMR dan STPM. Pembuktian penggunaan pendekatan penaksiran analitik dapat diteliti menerusi *Oh, skema permarkahan tu dia... dia terbahagi kepada banyak la karangan dari segi bahasa, daripada segi kosa kata lepa, ayat-ayat lepa, dari segi contoh, kata-kata hikmat dia ada pembahagian tertentu la.... Kita boleh tengok lah kalau bahagian A apa skema yang dia nak, biasanya apa saja karangan yang empat-empat tu dia ada pembahagian isi dan bahasa, walaupun Bahagian B Novel, dia bagi isi mesti dia bagi peruntukkan asing bagi bahasa, dia tak dak overall untuk isi saja... Ha, betul tu. Dia mesti ada pembahagian untuk bahasa tu mesti asing, dia tak masukkan dalam mana-mana (TB2P2)* oleh P2 dan *Ok seringnya dalam peringkat yang kita katakan peringkat SPM lah sedikit berbeza tapi saya tak perlu nyatakan secara detail kerana hal ini sulit hah, memadai kita katakan pada peringkat STPM ya, penelitiannya sangat kita katakan tepat. Katakan kalau kita nak potong markah misalnya, pemotongan markah pun ada cara-caranya bukan mendapatkan impression seperti mana peringkat SPM lah (TB8P5)* oleh P5.

## 6.0 PERBINCANGAN HASIL DAPATAN KAJIAN

Setelah meneliti kesemua dapatan kajian yang berkaitan dengan perspektif peserta kajian berkaitan amalan penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif, guru perlu memastikan skop penaksiran yang ditadbir telah pun merangkumi aspek kesediaan, peningkatan, pencapaian dan sikap murid dalam P&P dalam mengesan kemajuan, kebolehan, minat dan kecenderungan murid untuk memastikan tujuan proses penaksiran yang dilakukan tercapai (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2004). Hal ini demikian kerana maklum balas yang berterusan yang dilakukan dalam proses penaksiran dilihat dapat membantu guru untuk merancang langkah pemulihan atau pengayaan ataupun mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan strategi dalam pengajaran (Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar, 2008). Oleh sebab itu, Tajularipin Sulaiman *et al.* (2008) menegaskan bahawa proses penaksiran sewajarnya dilaksanakan dengan tepat oleh guru dengan cara memberikan maklum balas yang akan membantu dan memotivasikan murid memandangkan sebarang bentuk penilaian akan membawa implikasi terhadap pencapaian murid dalam proses P&P.

Tuntasnya, secara keseluruhannya dapatan kajian didapati hampir menepati tujuan dan kepentingan proses penaksiran pendidikan. Hal ini demikian kerana cara pelaksanaan amalan penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif telah memberikan

ruang kepada guru untuk mendapatkan data dan maklumat selengkapnya dan seholistik mungkin tentang pencapaian (*achievement*) dan juga perubahan serta perkembangan yang berlaku ke atas diri murid yang mengikuti proses pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif (Adi Badiozaman Tuah, 2007; Mohd Fadhil Ahmad, 2008; Ahmad Hozi H.A. Rahman, 2009; Mokhtar Ismail, 2009; Fauziah Mohamed Rafdzi & Juriah Long, 2010). Bagi tujuan untuk membina pangkalan data berkaitan kemajuan dan pencapaian dalam kesemua aspek pertumbuhan dan perkembangan keinsanan bagi setiap murid secara tepat dan betul serta boleh dipercayai (*valid and reliable*) supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan perancangan pendidikan seterusnya atau tujuan-tujuan lain (Adi Badiozaman Tuah, 2007; Ahmad Hozi H.A. Rahman, 2009; Fauziah Mohamed Rafdzi & Juriah Long, 2010), kepincangan masih lagi wujud sekiranya ditinjau pada cara amalan penaksiran peserta kajian dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif. Hal ini diakibatkan daripada cara amalan penaksiran yang masih lagi berorientasikan peperiksaan semata-mata. Malah, cara amalan penaksiran dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif dalam kalangan peserta kajian masih lagi bergantung sepenuhnya pada skema permarkahan yang disediakan oleh pihak berautoriti sehingga menyebabkan guru gagal untuk mengimplementasikan aspek keberkesanan kaedah dan strategi alternatif di samping memuatkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang digunakan sewaktu menjalankan aktiviti P&P bersama murid masing-masing (Adi Badiozaman Tuah, 2007; Tajularipin Sulaiman *et al.*, 2008; Ahmad Hozi H.A. Rahman, 2009; Azizi Ahmad, 2010; Fauziah Mohamed Rafdzi & Juriah Long, 2010).

## 7.0 RUMUSAN

Para pengamal pendidikan Bahasa Melayu disarankan untuk melibatkan diri dalam proses menyelesaikan tugas mengarang bagi mendapatkan gambaran secara holistik untuk membuat penaksiran untuk menilai kemampuan murid untuk menulis karangan argumentatif. Hal ini demikian kerana sekiranya peranan guru sebagai individu yang bertanggungjawab menaksir karangan dengan memberikan pertimbangan yang sewajarnya, kefahaman yang mantap terhadap aspek perkembangan fungsi kognitif murid dalam pengajaran kemahiran menulis karangan argumentatif pasti dapat dibudayakan semula dalam sistem pendidikan negara yang kini kian berorientasikan pada peperiksaan semata-mata. Ironinya, guru dapat menjangkakan prestasi murid dalam penulisan pada masa hadapan dengan mengambil kira perbezaan antara individu yang diberikan bimbingan dengan individu yang tidak diberikan bimbingan. Tegasnya, guru seharusnya tidak hanya melihat hasil karangan murid pada akhir proses pengajaran dan pembelajaran sahaja sebagai ukuran pencapaian mereka.

## Rujukan

- Adi Badiozaman Tuah. (2007). Sistem Pentaksiran Kebangsaan-Pelengkap Kurikulum dalam Pembentukan Modal Insan Gemilang. *Persidangan Kurikulum Kebangsaan 2007* (hlm. 43–53). Negeri Sembilan: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Ahmad Hozi H. A. Rahman. (2009). Menguji dan Menaksir Kefahaman Pelajar Dalam Noraini Idris dan Shuki Osman, *Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Teori dan Praktis* (hlm 189–230). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu. (2012). School Based Assessment Among ESL Teachers In Malaysian Secondary Schools. *Journal of the Malaysian Education Dean's Council*, 9, 1–18.
- Fauziah Mohamed Rafdzi & Juriah Long. (2010). Pentaksiran Ujian Lisan Bahasa Melayu Berasaskan Sekolah. Dalam Juriah Long, *Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu* (hlm 255–275). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gerring, J. (2007). *Case Study Research Principles and Practices*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gibbs, G. (2007). *Analyzing Qualitative Data*. London: SAGE Publications Ltd.
- Gillham, B. (2000). *Case Study Research Methods*. London: Continuum.
- Glesne, C. (2011). *Becoming Qualitative Researchers An Introduction*. Fourth Edition. Boston: Pearson Education.
- Glesne, C. (2006). *Becoming Qualitative Researchers An Introduction*. Third Edition. Boston: Pearson Education.
- Hashim Othman. (2003). *Kemahiran Menulis: Perspektif Komunikatif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huzaina Abdul Halim. (2007). Aplikasi Penyetaraan Semula Oleh Rakan Sebaya Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis. *Masalah Pendidikan*. 30(1), 51–60.
- Idris Mohd Radzi. (2006). Aplikasi Konstruktivisme dalam Pengajaran Karangan. Dalam Idris Mohd Radzi dan Dahlia Janan, *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu: Penyerapan Kemahiran Bermilai Tambah*. Tanjung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Juriah Long. (2008). *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara Hasrat dengan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marohaini Yusoff & Zulkifli A. Manaf. (1997). Pengajaran Kemahiran Menulis Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Menengah: Satu Penilaian Kualitatif Dalam *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 5(2), 65–72.
- Marohaini Yusoff. (2001). Pertimbangan Kritis dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif Dalam Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (hlm 35–60). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marohaini Yusoff. (2001). Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah. Dalam Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (hlm 87–119). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marohaini Yusoff. (2004). *Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research A Guide to Design and Implementation : Revised and Expanded from Qualitative Research Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research In Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey- BassPublishers.
- Mohd Fadhli Ahmad. (2008). *Amalan Pentaksiran Pengajaran dan Pembelajaran Di Kolej Komuniti Di Negeri Johor*. Disertasi Doktor Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan Teknikal: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mokhtar Ismail. (2009). *Pentaksiran Pendidikan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normah Othman. (2006). *Assessment of Direct Writing In ESL Classroom in Selected Malaysian Secondary Schools*. Disertasi Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia.
- Noor Izam Mohd Taib, Zamri Mahamad, A Rahman Haron & Rozaimak Makmun. (2012). Kebolehpercayaan Pemeriksaan Karangan Secara Holistik Berdasarkan Jantina dan Pengalaman Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 43–64.
- Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar. (2008). *Pembinaan Dan Pengesahan Instrumen Bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah Di Malaysia*. Kertas Kerja Dalam: Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah 2008, 25–27 November 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam : Karisma Publications Sdn Bhd.
- Roselan Baki. (2001). *Interaksi Lisan Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu daripada Perspektif Guru*. Disertasi Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmawati Taridi. (2008). *Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Melayu Dari Perspektif Komunikatif*. Disertasi Ijazah Sarjana. Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi: Universiti Putra Malaysia.

- Suseela Malakolunthu. (2001). Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan Dalam Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (hlm 121–154). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suzana Abd. Mutalib & Jamil Ahmad. (2012). Penggunaan Teknik Pentaksiran Formatif Dalam Subjek Bahasa Melayu Darjah Satu : Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 17–30.
- Tajularipin Sulaiman, Suzieleez Syrene Abdul Rahim & Roselan Baki. (2008). Pentaksiran Alternatif: Arah dan Peranannya dalam Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Dalam Tajularipin Sulaiman & Wan Zah Wan Ali, *Pendidikan di Sekolah Isu dan Cabaran* (hlm. 165–181). Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Yin, R. K. (2009). *Case Study Research Design and Methods*. Fourth Edition. Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research Design and Methods*. Third Edition. Thousand Oaks, California: SAGE Publications, Inc.